



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN, 6 JUN 2022	
1.	Jakim audit rumah sembelihan TFI
2.	Suspek pernah bunuh, kerat kucing
3.	Status TFI masih tergantung
4.	Pasang cctv di pusat sembelihan Australia
5.	Petani Palestin beri amaran penyakit kuku dan mulut haiwan ternakan
6.	Curi sebelah balai !
7.	80% penternak guna sistem reban ayam terbuka
8.	Chicken breeders hit by export ban

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Perlanggaran SOP penyembelihan halal

JAKIM audit rumah sembelihan TFI

Proses tentukan kelulusan diberi sebelum ini diteruskan atau ditarik

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menjalankan semakan audit terhadap rumah sembelihan Thomas Food International (TFI), Lobethal, Australia yang didakwa tidak mematuhi keperluan standard dan prosedur halal Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, Datuk Sirajuddin Suhaimi, berkata proses berkena-

an akan menentukan status penggantungan membabitkan syarikat berkenaan.

"Kita sudah umumkan penggantungan sebelum ini. Kelulusan (penyembelihan) ditarik semula oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), termasuk pengesahan untuk mereka menghantar daging (import ke Malaysia).

"Kita akan buat semakan audit terhadap rumah sembelihan berkenaan bagi menentukan sama ada kelulusan yang diberikan sebelum ini diteruskan atau ditarik terus," katanya selepas Majlis Perasmian Reruai dan Pelancaran Buku Baharu Terbitan JAKIM di Pentas Utama Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (PBAKL 2022) di sini, semalam.

Acara dirasmikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary.

Hadir sama, Urus Setia Tetap

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Mohd Khair Ngadiron.

Pada 23 Mei lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, memaklumkan hasil audit mengejut dilaksanakan Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc (SICHMA) mendapati TFI melanggar protokol halal dalam proses penyembelihan.

Idris dilaporkan berkata, sebelum perkara itu disahkan SICHMA, JAKIM pada 13 Mei lalu sudah membatalkan dan menghentikan operasi di loji penyembelihan berkenaan.

Sirajuddin berkata, JAKIM turut menyekat kemasukan daging import dari pusat sembelihan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Suspek pernah bunuh, kerat kucing

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulla.com.my

PARIT BUNTAR: Suspek kes bunuh dan kerat ibu sendiri di Taman Kerian di sini dikatakan pernah membunuh seekor kucing yang masuk ke pekarangan rumahnya.

Penduduk di taman perumahan itu yang enggan namanya disiarkan berkata, dia menyaksikan sendiri perbuatan kejam itu lelaki itu memotong haiwan tersebut menggunakan pisau.

Katanya, kejadian itu berlaku tiga tahun lalu dan dia amat terkejut dengan tindakan lelaki itu namun tidak mampu berbuat apa-apa.

"Lelaki itu seorang yang pendiam dan selama 13 tahun tinggal di sini, saya tidak pernah melihat dia tersenyum," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, suspek mengutip barang-barang lusuh dan dikumpul di sekeliling rumah yang didiami bersama ibunya.

Katanya, ibu mangsa seorang yang baik dan ramah dengan jiran tetangga.

"Auntie (mangsa) memang peramah dengan jiran tetangga. Dia sering menyanyi dengan kuat dan sering memasang muzik atau suara televisyen dengan kuat hingga kedengaran sampai ke rumah kami.

"Namun hampir seminggu, kami tidak mendengar langsung suara auntie menyanyi," katanya.

Menurutnya, mangsa mem-



MANGSA tinggal bersama suspek sejak 12 tahun lalu.

punyai tiga orang iaitu dua lelaki dan seorang perempuan manakala suspek merupakan anak sulung mangsa.

"Anak ketiganya seorang perempuan telah berkahwin dan tinggal di tempat lain," katanya.

Katanya, mangsa beritahu bahawa anak perempuannya akan menelefonnya setiap hari.

"Saya terkejut apabila mendapat tahu kejadian yang menimpa mangsa. Saya tidak mendengar mendengar bunyi pelik sebelum ini atau menghidu sebarang bau busuk dari rumah itu," katanya.

Semalam, polis menemukan mayat seorang wanita berusia 68 tahun yang dikerat kepada 15 bahagian dalam tangki kumbuhan yang ditutup dengan papan lapis di sebuah rumah di Taman

Kerian di sini.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridaltrash Wahid berkata, susulan penemuan itu, polis menahan seorang suspek lelaki berusia 42 tahun iaitu anak kepada mangsa.

Menurutnya, pihak polis turut merampas sebilah pedang, dua bilah pisau dan barangan yang digunakan suspek dalam pembunuhan itu.

"Siasatan awal mendapati suspek tinggal bersama ibunya di rumah itu sejak 12 tahun yang lalu setelah kematian bapanya.

"Kejadian dipercayai berpunca daripada rasa tidak puas hati suspek terhadap ibunya berhubung pembahagian harta pusaka peninggalan bapanya," katanya.

Status TFI masih tergantung

KUALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan menjalankan semakan audit sama ada mahu meneruskan atau menggantung kelulusan operasi pusat penyembelihan yang melanggar protokol halal dalam proses penyembelihan hawian di Australia.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimi berkata, langkah terdahulu yang dilakukan kerajaan adalah menggantung serta-merta kelulusan diberikan kepada loji penyembelihan, Thomas Foods International (TFI) Lobethal, Australia dan tindakan susulan pula diambil selepas penggantungan berkenaan.

"Benda (isu) berkaitan rumah sembelihan (di Australia) kita akan buat secara teratur dan terancang, insya-Allah.

"Memang kita sudah buat

Sementara siasatan dijalankan terhadap rumah sembelihan TFI di Australia

Gantung import daging

PUTRAJAYA: Kerajaan akan menggantung sementara pengimportan daging dari rumah sembelihan di Australia yang beroperasi di bawah pengawasan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan mematuhi protokol halal.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimi berkata, langkah terdahulu yang dilakukan kerajaan adalah menggantung serta-merta kelulusan diberikan kepada loji penyembelihan, Thomas Foods International (TFI) Lobethal, Australia dan tindakan susulan pula diambil selepas penggantungan berkenaan.

"Benda (isu) berkaitan rumah sembelihan (di Australia) kita akan buat secara teratur dan terancang, insya-Allah.

"Memang kita sudah buat



pengumuman untuk penggantungan. Susulannya kita akan buat semakan audit terhadap rumah sembelihan berkenaan sama ada akan diteruskan atau ditarik terus," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Reruai dan Pelancaran Buku Baharu Terbitan Jakim di Pusat Dagangan Dunia (WTCKL) di sini semalam.

Yang hadir sama ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Da-

tuk Ahmad Marzuk Shaary.

Beliau ditanya mengenai tindakan Jakim terhadap badan pensijilan halal, Islamic Council of Halal Meat in Australia Inc. (SICHMA) selepas mengesahkan TFI melanggar protokol halal dalam proses penyembelihan.

Bagaimanapun, Sirajuddin tidak menjawab secara terus kepada soalan diajukan mengenai SICHMA, sebaliknya hanya menyenut tindakan terhadap TFI

yang terpalit dengan pelanggaran protokol halal ketika daging-daging dari negara berkenaan turut dihantar ke Malaysia.

Tindakan terhadap SICHMA pula timbul ketika Malaysia masih mengiktirafnya sebagai badan pensijilan halal namun hakikatnya, SICHMA didapati tidak menjalankan tanggungjawabnya bagi memastikan proses halal benar-benar dipatuhi rumah penyembelihan.

Pada 28 Mei lalu, SICHMA mengesahkan TFI melanggar protokol halal dalam proses penyembelihannya selepas menjalankan audit mengejut ke atasnya pada 23 Mei lalu. TFI turut membekalkan daging-daging kambing ke negara ini.

Sejak 14 April lalu, akhbar ini mendedahkan status halal rumah penyembelihan itu yang diragui apabila prosedur didakwa tidak mengikut syariat.

Pasang CCTV di pusat sembelihan Australia

SAUDARA PENGARANG.

KITA sekali lagi dikejutkan dengan berita pelanggaran protokol penyembelihan halal di tiga rumah penyembelihan di Australia. Hal ini sangat membimbangkan umat Islam di Malaysia yang mendapat sumber daging import dengan pengiktirafan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dari negara itu.

Ita masih lagi menjadi isu memandangkan pihak Jakim sendiri dilihat tidak mengambil langkah yang lebih serius untuk menyiasat secara terperinci terhadap segala aduan yang diajukan kepada mereka.

Apabila langkah pengauditan dan pemantauan secara berkala tidak berkesan untuk mengenalpasti pelanggaran protokol penyembelihan halal yang ditetapkan, maka dicalonkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di rumah penyembelihan yang terlibat agar segala aktiviti yang dilakukan dapat dipantau dengan lebih telus dan memastikan isu sama tidak berulang kerana ia dipantau setiap masa.

Dalam masa sama, kerajaan perlu menambah baik syarat sebelum meluluskan sijil halal kepada mana-mana rumah penyembelihan di luar negara agar lebih menepati piawaian yang ditetapkan selain dapat meyakinkan umat Islam berkaitan sijil halal yang dikeluarkan oleh Jakim.

“

Jakim sepatutnya memperbaiki kelompangan terhadap protokol mereka selepas beberapa pihak melanggar syarat dan bukannya bertindak mempertahankan kelemahan.”

Jakim sepatutnya memperbaiki kelompangan terhadap protokol mereka selepas beberapa pihak melanggar syarat dan bukannya bertindak mempertahankan kelemahan.

Sekiranya berlaku lagi pelanggaran terhadap protokol di rumah penyembelihan yang terlibat, maka CCTV merupakan bukti kukuh yang akan memainkan peranan penting bagi mengesahkan segala salah laku yang berlaku sepanjang proses penyembelihan.

DR. MOHD MURSHIDI MOHD NOOR
Universiti Utara Malaysia



PEMASANGAN kamera litar tertutup (CCTV) di rumah penyembelihan di luar negara penting untuk memantau aktiviti penyembelihan agar tidak melanggar syarat yang ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). - AFP

Petani Palestin beri amaran penyakit kuku dan mulut haiwan ternakan

NABLUS - Penyakit mulut dan kuku (FMD) yang melanda Tebing Barat pada awal tahun ini telah membunuh ribuan haiwan ternakan dan sekali gus mengancam pendapatan petani di seluruh Palestin.

Petani, Mohammed Basheer berkata, dia terpaksa membakar ratusan bangkai kambing biri-biri selepas wabak yang menyebabkan haiwan ternakan mati merebak di seluruh Tebing Barat dan turut mengakibatkan penternak mengalami kerugian besar.

"Saya tidak mendapat bantuan daripada Pihak Berkuasa Palestin (PA), malah (tiada) panggilan telefon daripada mereka," kata Mohammed yang memiliki ribuan ternakan berhampiran bandar


Nablus memberitahu *AFP*.

Selain itu, petani turut menyalahkan PA kerana menghentikan program vaksinasi yang terbukti melindungi haiwan ternakan terhadap penyakit endemik.

Malah, rampasan tanah oleh peneroka haram Israel di kawasan ragut yang didakwa tidak digunakan lagi telah menyebabkan krisis haiwan ternakan menjadi semakin teruk.

Difahamkan, varian baharu penyakit FMD akan menyebabkan haiwan demam dan lepuh sehingga membawa kematian, terutamanya haiwan ternakan muda.

FMD dikesan hujung November 2021 di Jordan dan merebak ke Tebing Barat. - *AFP*



Mohammed Basheer menunjukkan seekor kambing yang dijangkiti penyakit FMD di Nablus, Palestin. - *Agensi*

Curi sebelah balai!

3 lembu ditempah untuk Aidiladha dilarikan dari kandang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Tanah Merah

Seorang lelaki berputih mata apabila tiga lembu ternakan yang sepatutnya disembelih Aidiladha nanti hilang dicuri di Kampung Lalang Pepuyu di sini, kelmarin.

Asran Alias, 40, menyedari kehilangan lembu itu ketika hendak memberi makan ternakannya itu, kira-kira jam 8 pagi.

Dia berkata, tiga lembu hilang itu antara 28 lembu sudah dijual untuk ibadah korban Aidiladha nanti.

"Saya hanya menunggu surat Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebelum menghantar lembu sudah dijual itu kepada pembeli di sekitar Kelantan.

"Saya tidak menyangka pencuri begitu berani melarikan lembu itu kerana kandang lembu saya bersebelahan dengan Balai Polis Lalang Pepuyu," katanya ketika ditemui, semalam.

Asran mendakwa sejak minggu lalu, 15 lembu milik penduduk kampung termasuk lembu ternakannya hilang dicuri.

"Saya kerugian RM13,000 akibat kehilangan itu dan sudah membuat laporan di



ASRAN bersama lembu peliharaannya sebelum tiga hilang membabitkan kerugian RM13000 di Kampung Lalang Pepuyu.

Balai Polis Lalang Pepuyu semalam (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tanah Merah, Superintendan Wan Zulfikri

Wan Othman ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Serdang: Isu bekalan ayam dijangka selesai dalam tempoh sebulan, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veteriner (DVS) Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, yang juga menjangkakan bekalan ayam mencukupi sempena sambutan Aidiladha bulan hadapan.

Beliau berkata, ia susulan intervensi dan sesi libat urus rentas agensi yang turut membabitkan pemain industri bagi mengetahui permasalahan utama berkaitan bekalan ayam.

"Kita dapat komitmen iaitu mereka komited untuk tingkatkan pengeluaran. Kita dalam proses pemulihan," katanya selepas sambutan Hari Veterinar Sedunia pe-

80% penternak guna sistem reban ayam terbuka

ringkat kebangsaan 2022 di sini.

Beliau berkata, ada pelbagai faktor yang menyebabkan bekalan ayam berkurangan dalam negara dalam jangka masa dua minggu lalu, antaranya faktor perubahan cuaca, penyakit sampar ayam atau *Newcastle Disease* (ND) serta proses vaksinasi ayam yang tidak mengikut jadual sepatutnya.

"Kekurangan pekerja dan penggunaan sistem reban ayam terbuka juga antara faktor penyumbang kepada kekurangan bekalan ayam,"



DR Norlizan

katanya.

Menurut Norlizan, hampir 80 peratus penternak ayam dalam negara menggunakan sistem reban ayam terbuka yang antara lain terdedah kepada pencemaran bau dan alat dan hanya segelintir menggunakan sistem reban ayam tertutup dengan penggunaan teknologi optimum.

Bagi perolehan sumber import ayam, Norlizan berkata, DVS dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bergerak ke beberapa negara bagi tujuan pengauditan rumah

sembelih.

"Jika mereka memenuhi syarat yang ditetapkan, negara akan mendapat sumber ayam yang lebih banyak pada harga kompetitif bagi keperluan pengguna," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Maklumat (Mafi) Datuk Haslina Abdul Hamid turut mengesahkan, isu bekalan ayam kurang di beberapa lokaliti yang dilaporkan sebelum ini, beransur pulih.

"Perkara ini (bekalan ayam) adalah sementara.

Kerajaan mencuba sedaya upaya memastikan bekalan ayam tiada kekurangan bekalan," katanya.

Terdahulu, Haslina ketika berucap pada majlis perasmian sambutan itu berkata, Mafi menerusi DVS, menyusun pelbagai strategi bagi menjaga kebajikan haiwan termasuk dalam membendung penyakit yang menyerang ternakan.

Kerajaan juga, katanya bersetuju mewujudkan Lembaga Ruminan Negara yang berperanan memastikan industri ruminan sentiasa berdaya saing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.06.2022	THE STAR	NATION	10

Chicken breeders hit by export ban

'Its impact is expected to last long after the ban to Singapore is lifted'

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: Local poultry breeders say they have been hit hard by the ban on exporting chicken to Singapore that started last Wednesday.

Johor Poultry Breeders (Small and Medium) Association secretary Lau Ka Leng said the impact of the ban is expected to last long after it is lifted and that it might drive some breeders out of business.

"The ban has only been in place

for less than a week and we can already feel the effect.

"As expected, Singapore is now looking into getting its chicken supply from other countries such as Thailand and Australia.

"This is a huge loss to local breeders who have been the main suppliers of chicken for the island republic all this while," he said.

However, Lau said one advantage Malaysian breeders might have in ensuring they could still supply chicken to Singapore after the ban is over is the country's

proximity to the city-state.

"When it comes to frozen chicken, Singapore may continue to get its supply from other countries even after the ban is lifted.

"However, for live chickens, where the chicken is slaughtered and chilled in Singapore, we may still have an advantage as we are located just next door.

"This makes it easy for the chicken to be transported to the island republic. In this sense, there is hope that Singapore would still seek Malaysian breeders after the ban is

lifted," he said.

Lau also voiced his disappointment over the government's decision to stop providing subsidies to chicken breeders starting July 1.

"We are disappointed with such a move as we feel that we are left to shoulder the burden of the increasing cost of breeding the livestock.

"I believe more breeders would scale down their business or even look into other ventures as a way to cope with the situation," he said, adding that this could worsen the chicken shortage.

Starting last Wednesday, Malaysia imposed a ban on the export of chickens to Singapore until domestic prices and production stabilise.

Prior to this, Singapore imports about a third of its chicken, or more than two million birds monthly, from Malaysia.

Following Malaysia's export ban, Singapore said it is expecting more supplies of chilled chicken from Australia and Thailand, as well as frozen chicken from countries such as Brazil and the United States in the coming weeks.